

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 19 TAHUN 1975¹

LANTIKAN BEKAS ANGGOTA-ANGGOTA TENTERA DAN
BEKAS-BEKAS POLIS KEPADA JAWATAN-JAWATAN
DALAM BIDANG AWAM²

Dengan tujuan memberi peluang seluas-luasnya kepada bekas Anggota-anggota Tentera dan bekas-bekas Polis memasuki perkhidmatan-perkhidmatan dalam bidang Awam selepas tamat perkhidmatan mereka dalam Angkatan Tentera dan Polis adalah diputuskan bahawa bekas Anggota-anggota Tentera dan Polis boleh memohon dan ditimbangkan jawatan-jawatan kosong dalam bidang Awam mengikut peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling ini.

2. Bagi maksud Pekeliling ini istilah-istilah berikut :

A. **“Bekas Anggota-anggota Tentera”** adalah bermakna bekas anggota-anggota—

- (i) Angkatan Tentera Malaysia;
- (ii) Askar Wataniah Malaysia;
- (iii) Pasukan Pertahanan Tempatan;
- (iv) Pasukan Sukarela Tentera Laut Di Raja Malaysia;
- (v) Pasukan Sukarela Tentera Udara Di Raja Malaysia;
dan
- (vi) Pasukan-pasukan Commonwealth yang ditubuhkan di negeri ini,

dan

B. **“Bekas-bekas Polis”** adalah bermakna bekas anggota-anggota—

- (i) Polis Tambahan (Extra Police Constable);
- (ii) Polis Khas (Special Constable) yang dikerah mengikut Kuasa Essential (Special Constables) Regulation, 1948;
- (iii) Home Guard yang dikerah mengikut Kuasa Emergency (Home Guard) Regulation, 1951; dan
- (iv) Polis Bantuan (Auxiliary Police);

dengan syarat perkhidmatan mereka dalam Angkatan-angkatan atau Pasukan-pasukan Tentera dan Polis tersebut ditamatkan dengan baik.

3. Bagi bekas anggota-anggota Sukarela istilah "Bekas Anggota Tentera dan Pasukan Polis" hanya meliputi mereka yang telah dikerah untuk berkhidmat pada masa peperangan atau dalam tempoh pengisytiharan dharurat dan di bawah Fasal 150 Perlembagaan berkuatkuasa dan yang telah sebenar-benarnya berkhidmat sepenuh masa selama tidak kurang daripada 12 bulan kesemuanya sebelum ditamatkan perkhidmatannya dalam angkatan-angkatan atau pasukan-pasukan yang tersebut itu.
4. Bukti untuk menunjukkan seseorang itu ialah seorang "bekas anggota Tentera atau bekas Pasukan Polis" ialah dengan menunjukkan "Sijil Berhenti" daripada Angkatan atau Pasukan-pasukan (Tentera) atau Pasukan-pasukan Polis yang ia berkhidmat dahulunya. Bekas-bekas anggota pasukan Sukarela hendaklah juga menunjukkan bukti yang ia telah dikerah berkhidmat sepenuh masa seperti menunjukkan "surat penghargaan" atau "surat kerahan sepenuh masa".
5. Mengenai jawatan-jawatan tetap yang mensyaratkan had umur paling tinggi, bekas Anggota-anggota Tentera atau bekas-bekas Polis boleh memohon jawatan-jawatan itu dengan syarat mereka memiliki kelayakan-kelayakan masuk yang ditetapkan dan juga umur mereka **tidak melebihi 45 tahun** pada tarikh akhir permohonan-permohonan bagi jawatan-jawatan itu diterima iaitu seperti yang dinyatakan dalam iklan bagi jawatan-jawatan itu.
6. Bersabit dengan jawatan-jawatan tetap yang tidak mensyaratkan had umur paling tinggi dan jawatan-jawatan sementara, bekas anggota-anggota Tentera atau bekas-bekas Polis boleh memohon jawatan-jawatan itu asalkan mereka memiliki kelayakan-kelayakan masuk yang disyaratkan.
7. Bagi mengisi jawatan-jawatan kosong yang disenaraikan dalam Lampiran "A" Pekeliling ini, bekas anggota-anggota Tentera dan bekas-bekas Polis hendaklah diambil mengikut sekurang-kurangnya peratus yang ditetapkan dalam Lampiran itu.
8. Jika calon-calon yang terdiri dari bekas anggota-anggota Tentera dan bekas-bekas Polis tidak mencukupi mengikut peratus yang ditetapkan dalam Lampiran itu, Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan hendaklah meminta kebenaran Jabatan Perkhidmatan Awam bagi mengisi jawatan-jawatan yang masih kosong itu dengan calon-calon lain dan memberi sebab-sebab mengapa jawatan-jawatan itu dikehendaki diisi dengan segera.
9. Mengenai jawatan-jawatan kosong yang tidak ditetapkan peratusnya pihak-pihak berkuasa melantik hendaklah **memberi keutamaan** kepada bekas anggota-anggota Tentera dan bekas-bekas Polis, sekiranya mereka mempunyai kelayakan yang sama atau yang diiktiraf setaraf dengan calon-calon Awam yang lain.
10. Berkaitan dengan jawatan-jawatan kosong yang tidak diiklankan dalam akhbar-akhbar, Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang hendak mengisi jawatan-jawatan kosong itu hendaklah berhubung dengan Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memberitahu akan hal

itu sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh akhir bagi permohonan-permohonan diterima. Akan jawatan-jawatan kosong yang diiklankan dalam akhbar-akhbar pula, pihak-pihak yang berkuasa melantik hendaklah mengedarkan satu salinan iklan-iklan itu kepada Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hendaklah mengambil tindakan menyampaikan maklumat yang diterimanya itu kepada bekas anggota-anggota Tentera dan bekas-bekas Polis di alamat mereka yang telah didaftar dengan Kementerian-kementerian itu.

11. Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan mengambil tindakan dari masa ke semasa memberitahu anggota-anggota Tentera dan bekas-bekas Polis yang akan tamat perkhidmatannya akan perbekalan dalam Pekeliling ini dan akan menyimpan satu daftar bagi mencatatkan alamat penuh mereka apabila mereka berhenti berkhidmat kelak supaya senang maklumat yang tersebut dalam perenggan 10 di atas itu disampaikan kepada mereka. Bekas Anggota-anggota Tentera dan bekas-bekas Polis itu hendaklah juga diminta memberitahu akan alamat barunya jika mereka berpindah supaya daftar alamat itu dapat dipinda dengan sewajarnya.

12. Ketua-ketua Setiausaha Kementerian-kementerian/Ketua-ketua Jabatan adalah diminta menyampaikan kandungan Pekeliling ini kepada pengetahuan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam hal-hal perkhidmatan dan perjawatan di bawah bidang kuasanya.

13. Perbekalan-perbekalan Pekeliling ini adalah juga meliputi jawatan-jawatan dalam Badan-badan Berkanun dan Badan-badan Separa Kerajaan. Ketua-ketua Setiausaha Kementerian hendaklah memastikan bahawa perbekalan-perbekalan tersebut dipatuhi betul-betul oleh Badan-badan yang berada di bawah pengendaliannya.

14. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1969 adalah dengan ini dibatalkan.

DATUK ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR,
14hb Ogos, 1975.

CATATAN:

¹ Dibatalkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 tahun 1977 mulai 31hb Mac, 1977.

² Sila rujuk Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/79 bertarikh 10hb Mac, 1979.

LAMPIRAN "A"

SENARAI JAWATAN-JAWATAN KOSONG YANG DIKEHENDAKI DIISI DENGAN BEKAS ANGGOTA-ANGGOTA TENTERA/BEKAS-BEKAS POLIS MENGIKUT SEKURANG-KURANGNYA PERATUS YANG DITETAPKAN DI BAWAH INI

| Jawatan | Peratus |
|--|---------|
| 1. Merinyu Kapal | 30% |
| 2. Pembaca Meter | 30% |
| 3. Pengawas Kesihatan Umum | 20% |
| 4. Penguatkuasa Majlis Bandaran | 50% |
| 5. Penguji Derebar | 20% |
| 6. Penyelenggara Setor Rendah | 20% |
| 7. Penyelia Kapal | 30% |
| 8. Ahli Bomba | 50% |
| 9. Atendan Arkib | 50% |
| 10. Atendan Haiwan | 50% |
| 11. Atendan Kolam Ikan | 50% |
| 12. Atendan Rumah Sakit (termasuk Rumah Sakit Otak) | 50% |
| 13. Buruh | 50% |
| 14. Buruh Kapal (Stevedore) | 50% |
| 15. Derebar Kereta/Lori dan Van | 50% |
| 16. Jurugegas | 30% |
| 17. Jurukawal (Guards) (termasuk Jurukawal Keselamatan) | 50% |
| 18. Jurumudi (Helmsman) | 30% |
| 19. Jurusemboyan | 30% |
| 20. Kelasi (Deckhand) | 50% |
| 21. Motor Mekanik | 30% |
| 22. Wader Penjara | 30% |
| 23. Opereter Loji | 30% |
| 24. Opereter Wayang Gambar | 20% |
| 25. Pekerja Injin | 30% |
| 26. Penembak Anjing | 100% |
| 27. Penjaga (Watchman) | 100% |
| 28. Penjaga Hutan | 30% |
| 29. Penunggu (Caretaker) | 50% |
| 30. Renjer Mergasetua | 30% |
| 31. Tukang Masak | 30% |